

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah depresi dalam kalangan rakyat Malaysia yang baru-baru ini dilaporkan hampir setengah juta rakyat Malaysia yang mengalami simptom tekanan atau depresi menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang dilaksanakan oleh KKM pada tahun 2019 mendapati bahawa prevalen kemurungan (*depression*) iaitu salah satu daripada penyakit mental dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas adalah 2.3% dan ini menghampiri setengah juta rakyat Malaysia (16 tahun dan ke atas).
2. Justeru, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bagi menangani masalah kesihatan mental termasuk kemurungan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah seperti berikut;

a. **Program promosi kesihatan mental dan pencegahan:**

- i. KKM telah melaksanakan Kempen kesedaran kesihatan mental '**Let's Talk Minda Sihat**', yang merupakan satu inisiatif ini melibatkan gabungan usaha-usaha pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha menghapuskan stigma terhadap kesihatan mental dan penyakit mental, meningkatkan tingkah laku mendapatkan bantuan bagi permasalahan yang dihadapi; dan
- ii. Kementerian Kesihatan berkolaborasi dengan Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan **Program Minda Sihat Sekolah** semenjak 2011. Program ini melibatkan saringan bagi mengenalpasti awal tahap stres, keresahan dan kemurungan murid-murid sekolah dan mereka yang dikenalpasti akan diberikan intervensi dan rawatan bersesuaian. Setakat ini, sebanyak 3440 buah sekolah menengah dan 7780 buah sekolah rendah telah melaksanakan Program Minda Sihat ini.
- iii. **Inisiatif Program KOSPEN dan KOSPEN PLUS (Komuniti Sihat Pembina Negara)** yang merupakan program bagi mempertingkatkan kemahiran menangani stres dalam kalangan komuniti dan warga kerja, antara perkhidmatan yang dikendalikan di bawah program ini adalah saringan, promosi serta rujukan bagi klien yang memerlukan bantuan kepakaran.

b. **Perkhidmatan saringan dan rawatan:**

- i. Kementerian Kesihatan (KKM) menyediakan perkhidmatan kesihatan mental di 1,001 klinik kesihatan di seluruh negara. Antara perkhidmatan yang disediakan termasuklah promosi, saringan dan pengesanan awal serta pengurusan kes

SOALAN NO : 20

berkaitan kemurungan dan cubaan bunuh diri oleh pakar perubatan keluarga.

- ii. Perkhidmatan **rawatan psikiatri di empat (4) buah institusi mental** dan **66 buah hospital KKM** di seluruh Malaysia yang menawarkan rawatan dan intervensi psikiatri, serta pengesanan awal kepada individu-individu yang disyaki mengalami masalah kesihatan mental dan penyakit mental termasuk kemurungan.
- iii. KKM menyediakan **28 Pusat Kesihatan Mental Komuniti (MENTARI)** yang menawarkan perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan psikiatri komuniti dan perkhidmatan rehabilitasi.

c. Perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial

- i. Di peringkat daerah, hospital dan klinik kesihatan, perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau MHPSS (Mental Health Psychosocial Support Service) turut disediakan melalui Pasukan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial bagi kumpulan sasaran yang memerlukan semasa bencana atau wabak. Pasukan ini terdiri daripada pakar-pakar perubatan, pegawai perubatan, kaunselor dan paramedik.
- ii. KKM dengan kerjasama MERCY Malaysia telah mewujudkan perkhidmatan talian bantuan sokongan psikososial yang dikendalikan oleh pegawai psikologi kaunseling serta sukarelawan dan NGO bagi memberikan perkhidmatan sokongan psikososial dan kaunseling kepada komuniti/masyarakat yang mengalami kesan emosi dan kemurungan. Selain itu, agensi kerajaan lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga turut mewujudkan talian bantuan sokongan. Sekian, terima kasih.